

1.1 IMPERIALISME BARAT DI ASIA TENGGARA

➤ Maksud Imperialisme

- Dasar sesebuah negara meluaskan pengaruh dan wilayah dengan menjajah negara lain untuk kepentingan tertentu.
- Berlaku sejak empayar Yunani dan Rom
- Imperialisme moden bermula sejak abad ke-15

➤ Imperialisme Barat di Asia Tenggara

- Negara imperialisme di Asia Tenggara :Portugal,Sepanyol,Belanda,Britania,Perancis dan Amerika Syarikat
- Contoh : Portugal menawan Melaka pd tahun 1511
- Tujuan awal : menguasai perdagangan rempah
- Bertambah luas imperialisme disebabkan Revolusi Perindustrian di Eropah

➤ Faktor-faktor Imperialisme Barat

1. Kedudukan Asia Tenggara yang strategik
 - Terletak antara China dan India
2. Revolusi Perindustrian di Eropah
 - pengeluaran hasil kilang secara besar-besaran
 - memerlukan bahan mentah secara konsisten
 - memasarkan hasil kilang
3. Kekayaan Bahan Mentah
 - Kawasan Asia Tenggara kaya dgn pelbagai bahan mentah
 - memenuhi keperluan perindustrian di Eropah
 - cth: bijih timah, arang batu,
4. Kemajuan Sistem Pengangkutan dan Perhubungan
 - penggunaan kapal berkuasa wap membolehkan muatan yg lebih banyak dan mempercepatkan masa perjalanan
 - pembukaan Terusan Suez memendekkan jarak perjalanan antara Barat dan Timur
5. Persaingan Kuasa-kuasa Barat
 - semakin luas tanah jajahan, semakin tinggi sanjungan
 - melambangkan kekuatan dan kekayaan
6. Beban orang Putih dan Tugas Menyebarkan Tamadun
 - berasa bertanggungjawab memajukan org Timur
 - mendakwa mereka lebih maju dan bertamadun

1.2 PERUBAHAN SISTEM POLITIK

-sebelum kedatangan Barat, negara Asia Tenggara mengamalkan sistem pemerintahan beraja

➤ Maksud Birokrasi

- Sistem Pemerintahan dan pentadbiran yg dikendalikan oleh pegawai kerajaan yg terdiri drpd penjajah Barat

➤ Ciri-Ciri sistem Birokrasi Barat

1. Penubuhan kerajaan pusat
2. Pelantikan Gabenor Jeneral sbg ketua pentadbir tanah jajahan
3. Pelaksanaan pentadbiran melalui biro(jabatan)
4. Pelaksanaan pegawai Barat sebagai ketua Biro
5. Pengenalan undang-undang Barat

➤ Perubahan pentadbiran di Filipina

- Sebelum Penjajahan
 - terdiri drpd darah kecil yg dikenali sbg barangay
 - barangay diperintah oleh datu
 - Wujud kerajaan Islam di selatan Filipina
- Selepas penjajahan(Sepanyol)
 - sistem pentadbiran pusat diperkenalkan
 - pentadbiran diketuai oleh Gabenor Jeneral
 - pentadbiran wilayah diketuai oleh pentadbir wilayah
 - pentadbiran tempatan dikendalikan dibawah **Sistem Encomienda** yg diketuai oleh Encomiendero

➤ Perubahan pentadbiran di Indonesia

- Sebelum Penjajahan
 - terdiri drpd beberapa buah kerajaan yg berasingan
 - Diketuai oleh raja
 - Dibantu oleh pembesar
 - Pemerintahan tempatan diketuai oleh pembesar daerah/bupati
- Selepas penjajahan(Belanda)
 - pentadbiran pusat diketuai oleh Gabenor Jeneral
 - pentadbiran tempatan dikendalikan oleh pembesar tempatan dengan pengawasan pegawai Belanda
 - penubuhan jabatan kerajaan
 - Penubuhan Dewan Tempatan
 - Penubuhan Volksraad-merupakan Majlis Rakyat hasil desakan Sarekat Islam sbg langkah menuju kemerdekaan

➤ Perubahan pentadbiran di Burma

- Sebelum Penjajahan
 - sistem pemerintahan beraja dibawah Dinasti Konboug
 - Raja merupakan penaung kepada sami Budhha
- Selepas penjajahan(British)
 - Dinasti Konbaung berakhir
 - Pesuruhjaya Tinggi British menjadi pemerintah tertinggi
 - Pengenalan Akta Kampung Ulu Burma 1887& Akta Perkampungan Burma 1889 – melenyapkan sistem pemerintahan tradisional
 - pentadbiran daerah diambil oleh Myo-ok(pegawai bandaran)

- undang-undang Barat diperkenalkan
- pengaruh golongan agama merosot
- Majlis Perundangan diperkenalkan
- penubuhan beberapa jabatan spt jabatan perhutanan, kesihatan

➤ Perubahan pentadbiran di Indochina

- Sebelum Penjajahan
 - negeri-negeri ditadbir oleh sebuah kerajaan berkuasa mutlak
 - kuasa penuh diberi kpd pembesar tempatan
 - setiap birokrasi diketuai oleh golongan Mandarin
 - golongan ini dipilih melalui peperiksaan bidang bahasa dan kesusasteraan
- Selepas penjajahan (Perancis)
 - pemerintahan diketuai oleh Gabenor Jeneral
 - membentuk kerajaan pusat dengan menubuhkan *Union Indochinoise*
 - semua undang-undang diluluskan oleh Parlimen Perancis
 - kerajaan tempatan perlu membayar cukai dan menyediakan tenaga kerja

➤ Perubahan pentadbiran di Tanah Melayu

- Sebelum Penjajahan
 - sebelum kedatangan Portugis, Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan *Sistem Pembesar Empat Lipatan*
 - penaklukan Portugis di Melaka meruntuhkan sistem pemerintahan beraja
- Selepas penjajahan(Portugis,Belanda,British)
 - Belanda : institusi beraja terhapus
 - British : Menyatukan Melaka,Pulau Pinang dan Singapura di bawah satu pentadbiran Negeri-negeri Selat
 - British memperkenalkan Sistem Residen di negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang
 - British memperkenalkan Sistem Penasihat di negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu.
 - tugas utama Residen dan Penasihat British adalah untuk menasihati Sultan dalam semua perkara kecuali hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu
 - British memperkenalkan sistem kehakiman Barat, balai polis, pengutipan cukai dan pembahagian negeri kpd beberapa buah daerah
 - peranan raja dan pembesar makin terjejas

➤ Perubahan pentadbiran di Thailand

- sistem birokrasi Barat diperkenalkan sendiri oleh Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn
- Raja Mongkut melantik 80 org penasihat Barat utk mengetahui pelbagai jabatan
- cth : penasihat kewangan dari Britain, penasihat kastam dari Amerika Syarikat, penasihat ketenteraan dari Perancis.
- Raja Chulalongkorn memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah, Majlis Mesyuarat Tertinggi dan Kabinet Negeri
- 1932, sistem raja berkuasa mutlak diganti dengan sistem raja berpelembagaan

➤ **Kesan-kesan pengenalan sistem Birokrasi Barat**

1. Mengurangkan pengaruh raja dan pembesar tradisional
2. Tercetus nasionalisme tempatan
3. Perlantikan Gabenor Jeneral sbg ketua pemerintahan
4. Pelaksanaan pentadbiran melalui biro
5. Perlantikan pegawai Barat sebagai ketua biro
6. Pengenalan undang-undang Barat

1.3 NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

➤ **Maksud Nasionalisme**

- perasaan cinta akan bangsa dan negara yg membawa kpd gerakan membebaskan tanah air

➤ **Faktor-Faktor Kemunculan Nasionalisme**

1. Dasar penjajahan Barat

- sistem birokrasi Barat tidak memberi peluang sewajarnya kpd rakyat tempatan dlm sistem pentadbiran moden
- dasar ekonomi penjajah seperti Sistem Tanaman Paksa di Indonesia dan Sistem Poli di Filipina menindas penduduk
- wujud jurang sosial antara rakyat dengan golongan pemerintah/bangsawan

2. Pengaruh Agama

- agama menyatupadukan rakyat dlm menghadapi penindasan
- agama berperanan sbg alat perpaduan
- golongan agama menjadi pencetus nasionalisme
- gerakan Islah di Indonesia dan di Tanah Melayu memperjuangkan Pan-Islamisme (penyatuan dunia Islam menentang penjajah Barat)

- penubuhan persatuan Belia Buddha di Burma
- di Filipina agama Kristian menyatupadukan penduduk utk menentang kuasa Sepanyol

3. Karya kesusasteraan

- merupakan media dlm menyampaikan mesej kesengsaraan terhadap penindasan penjajah
- di Filipina, novel *Noli Me Tangre* karya Jose Rizal berjaya menjadi inspirasi terhadap gerakan nasionalisme
- di Indonesia, cerpen Kerikil-kerikil Tajam & Ke Makam Bonda karya Chairil Anuar
- di Tanah Melayu, novel Putera Gunung Tahan karya Pak Sako

4. Sistem pendidikan

- sikap penjajah yang pilih kasih dlm menyediakan kemudahan pendidikan mencetuskan nasionalisme
- penjajah mengutamakan sekolah yg menggunakan bahasa penjajah sbg bhs pengantar
- pendidikan hanya diberi peringkat rendah dan terhad hanya kpd golongan elit dan bandar
- di Indonesia, golongan *priyayi* diberi pendidikan tersendiri
- di Burma, pendidikan sekular dan mubaligh memberi ancaman kpd sekolah Buddha
- Di Tanah Melayu, lepasan sekolah vernakular sukar memperoleh pekerjaan berbanding lepasan sekolah Inggeris

5. Kemunculan Golongan Intelektual

- merupakan golongan yg melanjutkan pelajaran di Barat & Asia Tenggara
- pengalaman membuatkan mereka sedar yg penjajah mentadbir tidak seperti negara asal
- memimpin gerakan nasionalisme setelah kembali ke tanah air

6. Pengaruh media massa

- akhbar & majalah menyebarkan idea nasionalisme dan menanam perasaan anti penjajah
- akhbar berpengaruh di Vietnam, *Tribune Indigine & Cloche Fele*

- akhbar berpengaruh di Tanah Melayu, *al-ikhwan*, *Saudara*, *Warta Malaya & Majlis*

7. Sistem pengangkutan dan perhubungan

- perkhidmatan telefon dan telegraf memudahkan hubungan dikalangan nasionalis
- pembinaan jln raya dan jln jeretapi menghubungkan kawasan yg terpisah
- memudahkan rakyat bertemu dan membincangkan idea nasionalisme

8. Pengaruh luar

- kejayaan negara Jepun mengalahkan Rusia dan China membuka mata nasionalis di Asia Tenggara
- perjuangan Mahatma Gandhi yg bersikap sederhana menentang Britih di India memberi inspirasi kpd nasionalis Asia Tenggara

➤ **Perkembangan Nasionalisme**

• **Tahap Pertama**

- penentangan masyarakat secara terbuka
- bersifat setempat dan tidak berorganisasi
- isu yg diperjuangkan ialah kebudayaan, agama, dan hak peribumi
- dipimpin oleh golongan pertengahan yg berpendidikan Barat dan Asia Barat
- lebuh menekan kesedaran politik drpd tindakan politik
- menuntut hak-hak dikembalikan dan taraf hidup diperbaiki
- tidak meminta kemerdekaan segera

• **Tahap Kedua**

- gerakan nasionalisme yg lebih radikal dan berorganisasi
- dipimpin oleh golongan berpendidikan serta berpengalaman luas dlm bidang kebudayaan dan ilmu Barat
- matlamat perjuangan lebih jelas
- menuntut kemerdekaan dan ingin membentuk kerajaan sendiri yg berdaulat

| Negara | Perjuangan Tahap Pertama | Perjuangan Tahap Kedua |
|----------|---|--|
| Filipina | <ul style="list-style-type: none"> • Gerakan yg dipimpin oleh Jose Rizal • Disokong dan mempunyai pengaruh kuat dr golongan pertengahan yg berpendidikan | <ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan Katipunan oleh Andres Bonifacio telah memulakan gerakan radikal • Matlamat Katipunan untuk menyatukan bangsa Filipina |

| | | |
|-------------------------|---|---|
| | <p>Barat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menuntut Filipina dijadikan wilayah Sepanyol, bangsa Filipina diberi hak yg sama spt bgsa Sepanyol dan diberi hak kebebasan bersuara • Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina apabila tuntutan mereka kurang mendapat tindakbalas Sepanyol • Mendesak pembaharuan politik, ekonomi dan sosial • Kerajaan Sepanyol berasa terancam lantas Jose Rizal ditangkap dan dibuang negeri • Akhirnya Jose Rizal dihukum bunuh atas tuduhan terlibat dlm grakan pemberontakan | <ul style="list-style-type: none"> • Mencapai kemerdekaan melalui revolusi • Menggunakan media cetak untuk menyebarkan fahaman revolusi kepada rakyat • Kalayan merupakan akhbar rasmi Katipunan • Katipunan melancarkan revolusi bersenjata untuk menggulingkan sepanyol tetapi gagal • Bonifacio di hukum mati oleh Emilio Aguinaldo • Aguinaldo bekerjasama dengan Amerika untuk mengusir Sepanyol dan berjaya • Penguasaan Amerika terhadap Filipina • Pengisytiharan kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo tidak disahkan oleh Amerika • Kerajaan Amerika membenarkan penubuhan parti-parti politik sederhana • Dewan Perhimpunan diketuai oleh Sergio Osmena • Parti Nasional memenangi pilihanraya pada tahun 1907 • Filipina menuntut kemerdekaan melalui perlembagaan |
| <p>Indonesia</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Memberi tumpuan kpd isu pendidikan • Hanya pendidikan yg boleh mengubah nasib rakyat • Raden Adjeng Kartini berusaha memajukan pendidikan utk kaum wanita • Karyanya : habis gelap terbitlah Terang & Penulisan Seorang Puteri Jawa telah mendedahkan kemunduran rakyat Indonesia dan penindasan Belanda. • Pertubuhan penting : Muhammadiyah • Matlamat Muhammadiyah - Menyebarkan islam sebenar • Menghindari ancaman sekularisme barat • Menghindari ancaman agama kristian • Membina sekolah, klinik & masjid | <ul style="list-style-type: none"> • Perjuangan Parti politik radikal. • Cth, Sarekat Islam, Parti Komunis Indonesia(PKI),Parti Nasional Indonesia(PNI). • Matlamat : menuntut kemerdekaan secara kekerasan. • PNI pimpinan Soekarno paling popular. • Perjuangan beliau dapat mempengaruhi rakyat. • Kerajaan Belanda telah menangkap pemimpin radikal termasuk Soekarno. • PNI turut di haramkan |
| <p>Burma</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Perjuangan golongan sami Buddha dan golongan berpendidikan Barat • Penubuhan Persatuan Belia Buddha bertujuan untuk mengekalkan tradisi Buddha dan majukan pendidikan • Menggunakan Isu Kasut untuk membangkitkan semangat nasionalisme rakyat | <ul style="list-style-type: none"> • U Ba Pe memimpin Persatuan Belia Buddha menjadi lebih radikal • Gerakan muncul berdasarkan Laporan Montagu-Chelmsford • Tercetus Revolusi Pelajaryang menuntut sebuah universiti untuk mereka • Gerakan golongan sami Buddha melalui Majlis Am Sangha Sametggi • Tercetusnya pemberontakan Saya San • Muncul Liga Antipemisahan • Pengenalan Perlembagaan Burma 1935 memberi peluang untuk berkerajaan sendiri • Golongan Thakin(siswazah universiti) menubuhkan Parti Dobama Asiyone untuk menuntut kemerdekaan • Pemimpin terdiri dari Aung San,Kyaw Nein da U Nu yang menggelar diri sebagai "Tuan" • Dr Ba Maw sebagai Perdana Menteri Burma yang pertama |

| | | |
|-----------------|--|--|
| Thailand | <ul style="list-style-type: none"> • Kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja. • Penentangan terhadap raja berkuasa mutlak. • Faktor: Pendidikan barat mendedahkan fahaman liberal, sistem demokrasi dan sistem raja berperlembagaan kepada golongan intelek Thailand. • Kelemahan sistem pentadbiran dan sikap boros raja Vajiravudh menyebabkan rakyat tidak puas hati. • 1932 Parti rakyat ditubuhkan oleh Nai Pridi Panomyong & Field marshall Phibul Songram • Parti rakyat melancarkan revolusi Thai. • Sistem raja berkuasa mutlak tamat • Diganti dengan sistem raja berperlembagaan | <ul style="list-style-type: none"> • Rakyat tidak puas hati terhadap cengkaman ekonomi oleh kapitalis barat dan orang Cina. • Semasa Phibul Songram menjadi Perdana Menteri, beliau meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi oleh orang Cina. • Sekolah Cina dan akhbar Cina dibubarkan. • Penduduk peribumi digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi. • Jawatan tertinggi dalam kerajaan hanya untuk penganut agama Buddha. • 1939 Phibul Songram menukar nama negara Siam kepada Thailand yang bermaksud Tanah Bebas. • Hasil daripada kerjasama dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua, Thailand berjaya mendapatkan semula wilayah-wilayah di Indocina dan di Tanah Melayu |
|-----------------|--|--|